

TERMA DAN SYARAT

Kempen eSimpanan Tetap-i CIMB (eFD-i) Julai 2025

Tempoh Kempen

1. Kempen eSimpanan Tetap-i CIMB (eFD-i) July 2025 ("**Kempen**") dianjurkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872) ("**CIMB Islamic Bank**") akan berlangsung dari 11 Julai 2025 hingga 14 Ogos 2025, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").

Kelayakan

2. Tertakluk kepada peruntukan Klausa 3 di bawah, Kempen ini adalah terbuka kepada:
 - a) semua pelanggan individu baharu dan sedia ada; dan
 - b) semua kakitangan Kumpulan CIMB baharu dan sedia ada (termasuk kakitangan kontrak dan percubaan); dan
 - c) pelanggan perniagaan pemilikan tunggal baharu dan sedia ada.yang berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun, serta mempunyai akaun CIMB Clicks dan Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i atau Akaun Pelaburan-i ("**CASA/-i**") yang aktif dan dikekalkan dengan CIMB Bank Berhad (197201001799) ("**CIMB Berhad Bank**") dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad (secara bersama dirujuk sebagai "**CIMB**") semasa Tempoh Kempen (kemudian dari ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Pelanggan yang Layak**").
3. Individu-individu/entiti-entiti berikut adalah terkecuali dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - a) Perusahaan kecil dan sederhana/Peranakan perusahaan/pelanggan-pelanggan komersil dan korporat yang ditentukan oleh CIMB yang juga termasuk tetapi tidak terhad kepada perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi amal /tanpa profit, pertubuhan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - b) Individu-individu yang berumur bawah lapan belas (18) tahun.Menerusi penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak menyatakan dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam mana-mana kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas.

Mekanisme Kempen

4. Bagi menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak hendaklah membuka eSimpanan Tetap-i CIMB ("**eFD-i**") menerusi:
 - a) laman sesawang CIMB Clicks dengan klik pada pautan terus yang terdapat di:
 - i. halaman promosi di laman sesawang CIMB Clicks atau halaman promosi laman sesawang CIMB; atau
 - ii. mel langsung elektronik (*electronic Direct Mailer*) "**eDM**") yang dihantar oleh CIMB. Pilihan ini hanya terpakai kepada Pelanggan Yang Layak terpilih sahaja yang menerima eDM ini dari pihak CIMB; atau
 - b) Aplikasi CIMB OCTO dengan klik pada "Apply" dan pilih "Fixed Deposit-i - Maturity Returns" daripada pilihan yang disediakan;DAN membuat satu penempatan deposit tunggal dengan amaun minimum sebanyak **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00)** bagi tempoh empat (4) bulan atau enam (7) bulan melalui pindahan daripada akaun CIMB CASA/-i dan/atau lain-lain bank melalui Pertukaran Proses Kewangan (*Financial Process Exchanges*) ("**FPX**") semasa Tempoh Kempen.

FPX adalah kaedah pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, dipermudahkan oleh Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. ("**PayNet**"). Peserta yang Layak boleh merujuk laman sesawang PayNet untuk butiran lanjut.

Kadar Kempen

5. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausa 4 di atas adalah berhak kepada kadar ("**Kadar Kempen**") tertentu seperti di bawah:

Tempoh	Kadar Kempen	Amaun Penempatan Deposit Tunggal Minimum
Empat (4) Bulan	3.40% setahun	RM1,000
Enam (7) Bulan	3.45% setahun	RM1,000

6. Bagi eFD-i, Kempen ini hanya terpakai untuk **eFD-i (Maturity Returns)**. eFD-i (Monthly Returns) dan eFD-i (Why Wait) tidak terpakai untuk Kempen ini.
7. Kempen ini tidak terpakai bagi penempatan yang dibuat melalui aplikasi CIMB Clicks.
8. Peserta yang Layak eFD-i mestilah dirangkaikan dengan CIMB CASA/-i persendirian Peserta yang Layak untuk tujuan penempatan eFD-i, bayaran keuntungan dan pengeluaran eFD-i ("**CASA/-i yang Ditentukan**"). Bagi mengelakkan keraguan, hanya CASA/-i terpilih seperti yang ditetapkan oleh CIMB Islamic Bank dari semasa ke semasa boleh dipilih sebagai CASA/-i yang Ditentukan
9. Bagi penempatan melalui pindahan dana FPX:
- amaun deposit maksimum bagi setiap urus niaga adalah berdasarkan kepada had yang diizinkan oleh CIMB atau had yang diizinkan oleh dan ditetapkan dengan bank-bank yang berkenaan berkaitan dengan pindahan sedemikian, mana-mana yang lebih rendah.
 - jika penempatan eFD-i tidak berjaya, amaun yang ditolak akan dikembalikan ke dalam akaun bank Pelanggan yang Layak masing-masing dalam tempoh tujuh (7) hari perniagaan dari tarikh transaksi. Pelanggan yang Layak perlu merujuk dengan bank masing-masing jika bayaran balik tidak diterima pada masa itu.
 - Apa-apa bayaran keuntungan atau pengeluaran eFD-i akan dikreditkan ke dalam CASA/-i yang Ditentukan.
10. Keuntungan yang diperolehi berdasarkan Kadar Kempen akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak apabila tempoh eFD-i yang terpakai telah matang.
11. Keuntungan yang diperolehi berdasarkan Kadar Kempen akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/-i yang Ditentukan milik Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan CIMB atau ditambah kepada prinsipal eFD-i, sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan yang Layak pada masa penempatan eFD-i dibuat.
12. Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin mengeluarkan eFD-i sebelum tempoh matang eFD-i, penunaian/pengeluaran sepenuhnya baki dalam akaun eFD-i hendaklah dilaksanakan. Pelanggan yang Layak tidak layak untuk memperolehi sebarang keuntungan (iaitu keuntungan berdasarkan Kadar Kempen atau kadar asas atau kadar kakitangan CIMB, yang mana berkenaan) sekiranya berlaku penunaian/pengeluaran eFD-i sebelum tempoh matang eFD-i.
13. **Pembaharuan:** Kadar Kempen adalah terpakai untuk penempatan eFD-i bagi satu (1) kitaran sahaja. Sebaik sahaja eFD-i matang di bawah Kempen ini, Kadar Kempen tidak lagi terpakai dan Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju dan membenarkan CIMB untuk membaharui atau meletakkan semula ("roll-over") secara automatik jumlah prinsipal eFD-i dan keuntungan yang diperolehi pada tempoh yang sama

bagi penempatan yang dibuat di bawah kempen pada kadar niaga semasa atau kadar kakitangan CIMB yang terpakai kepada eFD-i pada masa pembaharuan atau penempatan semula.

14. eFD-i dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
15. a) Walau apa pun dinyatakan dalam Klausula 22 (a), CIMB mengekalkan haknya, dari semasa ke semasa, untuk mengubah Tempoh Kempen, Kadar Kempen dan/atau kriteria/keperluannya ("**Perubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria**"), dengan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak menerusi:
 - (i) pengumuman di laman sesawang CIMB; dan/atau
 - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/atau
 - (iii) sebarang bentuk notifikasi yang boleh dipilih oleh CIMB.b) Perubahan Tempoh Kempen, Kadar atau Kriteria hendaklah dianggap sebagai terikat ke atas Pelanggan yang layak pada tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi berkenaan.
c) Pelanggan yang layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Perubahan Kadar atau Kriteria.
Sebarang Perubahan Kadar Kempen berdasarkan Klausula 15 (a) di atas adalah tidak terpakai kepada mana-mana penempatan eFD-i yang telah dibuat sebelum tarikh berkuatkuasanya Perubahan Kadar tersebut.
16. Sekiranya terdapat perubahan kepada Kadar Dasar Semalaman (OPR), CIMB mengekalkan haknya untuk:
 - a) Melanjutkan, memendekkan atau menghentikan Kempen ini dengan serta-merta menerusi notis; atau
 - b) Menyemak semula Kadar Kempen dengan serta-merta menerusi notis.Notis yang sedemikian akan diberikan berdasarkan Klausula 15 (a).
17. Kadar Kempen ini tidak sah bersama dengan lain-lain tawaran, promosi dan/atau keistimewaan (contohnya, kadar kakitangan) melainkan dinyatakan sebaliknya.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Am

18. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
 - b) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d) memberi kebenaran kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mana Pelanggan yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat dengan wajar dan berpatutan oleh CIMB berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Kadar Kempen yang diberikan dan penentuan Pelanggan yang Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f) bersetuju bahawa CIMB tidak bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;

- (iv) sebarang bencana alam ('*act of God*') di luar kawalan CIMB atau
- (v) apa-apa faktor yang bersifat '*force majeure*' yang berada di luar kawalan munasabah CIMB

19. Pelanggan yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau keuntungan yang berdasarkan Kadar Kempen sekiranya, sewaktu Tempoh Kempen dan/atau sebelum keuntungan yang diperoleh berdasarkan Kadar Kempen dikreditkan:
- a) Pelanggan yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal eFD-i dan/atau CASA/-i;
 - b) CASA/-i dan/atau eFD-i ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada sebarang penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; atau
 - c) eFD-i dan/atau CASA/-i tertunggak, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB.
20. CIMB berhak untuk melucutkan hak mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati:
- a) mengganggu proses kemasukan/penyertaan/permohonan; dan/atau
 - b) bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana Kadar Kempen dan/atau pembatalan, penangguhan, pemendekan atau pelanjutan Kempen tersebut.

21. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit daripada:
- a) penyertaan atau ketidak penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - b) sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan eDM oleh Pelanggan yang Layak, melainkan jika kerugian atau kerosakan tersebut adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.
22. a) CIMB berhak mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini ("**Pindaan**") dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak menerusi cara pemberian notis yang ternyata di Klausula 15 (a).
- b) Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi tersebut.
- c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("**Peraturan**") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang CIMB dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa Pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

23. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Pindaan tersebut.

24. Pelanggan yang Layak hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB ditanggung rugi terhadap mana-mana yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB yang disebabkan oleh:

- a) penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen tersebut; dan/atau
- b) kelayakan, penerimaan, penebusan atau penggunaan Pelanggan yang Layak ke atas Kadar Kempen dan/atau kepada keuntungan berdasarkan Kadar Kempen tersebut; dan/atau
- c) Pelanggan yang Layak melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.

25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:

- a) adalah mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
- b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat sedia ada berhubung akaun eFD-i dan/atau CASA/-i yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

26. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB adalah tertakluk.

27. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang dimilikinya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak itu atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.

28. a) Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon, atau e-mel:

Alamat: CIMB Unit Resolusi Pelanggan (CRU),
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur,
50710 Wilayah Persekutuan

No. Telefon: 603 6204 7788

E-mel: contactus@cimb.com

- b) CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak menerusi pengumuman di laman sesawang CIMB atau dengan mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.